

Semarakkan kasih sayang pertahan nikmat perpaduan

Rakyat diseru tolak segala gejala negatif bersama pacu negara ke arah lebih maju

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menggesa seluruh rakyat untuk menghayati semangat Hari Malaysia dengan rasa cinta yang mendalam terhadap negara, sikap ihsan dan kasih sayang serta perteguhkan perpaduan antara kaum.

Menerusi catatan di Facebook semalam, Anwar yakin negara ini kuat dan mampu melonjak ke depan sekiranya seluruh rakyat berani menolak sikap prasangka dan memupuk persefahaman serta kasih sayang.

“Selamat Hari Malaysia kepada seluruh anak bangsa! Segulai sejalailah,” menurut catatan itu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof mengajak seluruh rakyat Malaysia bersama-sama memperkukuhkan ikatan persaudaraan serta kekrabatan kaum yang pelbagai di negara ini dalam usaha menghayati dan meraikan penubuhan Malaysia penuh rasa bangga dan berjiwa bangsa.

Beliau berkata, semangat persaudaraan yang kukuh mampu memperkuat lagi integrasi nasional dengan erti merdeka yang sebenar antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Fadillah juga mengajak rakyat mengenang jasa dan pengorbanan Perdana Menteri Pertama Malaysia, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan tokoh Sabah



Sambutan Hari Malaysia 2023 di Stadium Perpaduan Kuching, malam tadi.

(Foto BERNAMA)

dan Sarawak yang menjayakan pembentukan Malaysia.

“Tautkan kembali ikatan persaudaraan dan kekrabatan kaum yang pelbagai di Malaysia. Hentikan sentimen 3R (Raja, agama, dan kaum) yang hanya menjadi ancaman kepada perpaduan negara,” katanya.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi turut mengajak rakyat menghayati erti sambutan Hari Malaysia yang bersejarah.

“Walaupun kita lahir pelbagai dan berbeza (latar belakang) bukan bermakna ia menjadi kekangan untuk kita mengekalkan keharmonian yang utuh terjalin dalam kalangan keluarga besar kita.

“Semarakkan sambutan Hari Malaysia pada tahun ini sebagai bukti kecintaan kita pada negara seiring dengan tema sambutan #MalaysiaMADANI: Tekad Per-

paduan Penuhi Harapan,” katanya.

Semua rakyat bersaudara

Pengerusi Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata rakyat di Semenanjung, Sabah atau Sarawak, adalah bersaudara dan mahu Hari Malaysia menjadi simbol penyatuan negara bangsa Malaysia yang bersatu padu.

“Melalui proses integrasi nasional dan perpaduan kaum yang menyatupadukan rakyat daripada pelbagai keturunan dan wilayah, Malaysia telah bangkit berdiri megah sebagai sebuah negara yang memberikan kehidupan kepada kita semua sebagai warganya.

“Malaysia adalah sebuah negara yang bertuah kerana dapat mengurus perbezaan identiti dengan baik dan menghargai kepelbagaian melalui semangat

persefahaman dan saling hormat menghormati,” katanya.

Ketua Pembangkang, Datuk Seri Hamzah Zainuddin mengingatkan rakyat tidak sekali-kali tunduk menyerah kepada ‘sekam kebencian’ dan ‘api kecurigaan’ yang hanya mendedahkan Malaysia kepada bencana politik.

Hamzah berkata, selaku warga sebuah negara merdeka, berdaulat, demokratik, aman dan makmur, Malaysia yang berdaulat ini wajib dijaga, dipupuk dan dipelihara dengan sebaik-baiknya.

“Di bumi bertuah inilah ia mengajar kita menjadi watan yang bukan saja mampu berdiri di atas kaki sendiri tetapi dewasa dan matang. Janganlah sesekali kita tunduk menyerah kepada sekam kebencian dan api kecurigaan yang pastinya hanya akan mengheret kita ke lembah bencana,” katanya.